



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30/9/2011

Pembangkok sendiri tolak hudud

HARAPAN dan impian Pas untuk melaksanakan hukum hudud di Kelantan terpadam sama sekali apabila pakatan pembangkang menolak pelaksanaan hukum tersebut dengan alasan tidak selari dengan Buku Jingga.

Penulis Adamyam dalam MyKMU (www.mykmu.net) berkata, walaupun media pro-Pas memutar-belitkan laporannya bagi menampakkan bahawa pakatan pembangkang mengakui enakmen syariah Kelantan dan Terengganu mengenai pelaksanaan hudud, tetapi kenyataannya ia ditolak oleh pihak pimpinan pakatan itu.

"Kami yang menulis dalam (blog) ini sudah lama bergelumang dengan politik Pas walaupun bukan ahli Pas, hampir sudah hafal segala gerak geri dan jangka semua keputusan.

"Sebab itu bila ada balaci yang melihat kenyataan Nik Aziz (disokong Anwar) untuk melaksanakan hudud di Kelantan kalau ditakdirkan pakatan memerintah, kami sambut dengan senyum sinis saja. Dah tau dah apa akhirnya nanti, tetap keutamaan DAP juga yang diletak atas sekali," katanya.

Blog Malay Delima (malaydelima.blogspot.com) pula berkata, Datuk Seri Anwar

Ibrahim hanya memutarbelitkan kenyataan konon menyokong Pas untuk melaksanakan hudud sedangkan antara parti pembangkang tiada kesepakatan mengenai isu ini.

"Anwar tidak berani mahu mengatakan yang pakatan menolak hudud tetapi hakikatnya pakatan menolak hudud. Pelbagai spekulasi diberikan oleh Anwar dan akhir sekali Buku Jingga juga yang dirujuk.

"Anwar terus bertegas bahawa landasan yang betul adalah Buku Jingga di mana buku ini tidak tertulis hudud. Ini menampakkan Pas sudah tidak relevan lagi dan cukup takut untuk berbicara tentang hudud di depan DAP," katanya.

Blog Empayar Pemuda (empayar-pemuda.blogspot.com) pula menganggap cita-cita Nik Aziz mahu melaksanakan hudud di Kelantan masih berstatus angan-angan kerana para pemimpin parti pembangkang gagal mencapai kata putus berhubung pelaksanaan hukuman tersebut.

Katanya, secara logik pakatan pembangkang sepatutnya dapat mencapai kata putus dan keputusan boleh berpihak kepada Nik Aziz jika dibuat undian kerana yang menentang hudud hanyalah DAP manakala Pas dan PKR dilaporkan menyokong cadangan ini.

"Tetapi apakan daya, Anwar terpaksa memihak kepada DAP kerana survival (kelangsungan) politiknya untuk menjadi Perdana Menteri terletak di tangan DAP iaitu undi Cina. Maka terpaksalah Anwar tunduk kepada desakan Lim Kit Siang dan juga Karpal supaya membatalkan hajat Nik Aziz.

"Lepas ni kita tunggu pula apa reaksi Nik Aziz. Adakah Pas akan keluar dari pakatan untuk memperjuangkan negara Islam dan melaksanakan hudud atau terpaksa tunduk kepada kemahuan DAP?" katanya.

Azrinizam Ibrahim (anginperubahan.blogspot.com) berkata, keputusan Majlis Pimpinan Pakatan yang menolak pelaksanaan hudud adalah klimaks drama tersebut yang dimainkan sejak pilihan raya kecil Kuala Terengganu lalu.

Katanya, drama yang sama berulang kembali untuk menutup seketika isu-isu murtad di gereja, komunis dan paling utama adalah kes liwat Anwar serta melupakan sekejap tumpuan rakyat terhadap isu yang boleh merugikan pembangkang.

"Hakikatnya selama memerintah Kelantan selama 21 tahun, Pas tidak pernah membentangkan cadangan untuk melaksanakan

hudud di Kelantan. Pas gagal untuk mempengaruhi PKR dan DAP untuk mendengar cakap mereka.

"Bertanding pun tidak cukup di Parlimen, inikan pula hendak menjadi ketua kepada pembangkang? Siapa yang ramai dalam pembangkang? Bukankah kumpulan ini akhirnya akan merugikan orang Islam? Drama yang Pas cuba buat gagal dan berakhir seperti yang dijangkakan," katanya.

Sementara itu Blog Gelombang Rakyat (gelombang-rakyat.blogspot.com) memetik kenyataan Ketua Pemuda Pas, Nasrudin Tantawi dalam laman sosial Facebook yang menunjukkan percanggahan pandangan sayap parti itu dengan keputusan bersama pakatan pembangkang.

Katanya, Pemuda Pas mendesak agar hukum hudud diiktiraf dan tidak dipermainkan seolah-olah sebagai salah satu mainan politik parti dan menunjukkan pakatan pembangkang tidak menghormati pengundi di Kelantan yang mahukan hukum itu dilaksanakan.

"Buku Jingga itu juga adalah dasar sekular bukan merujuk dasar hukum Islam sebenar. Untuk apa Pas merujuk pada Buku Jingga? Bukankah Pas merujuk al-Quran

dan Sunnah? Al-Quran jadi mainan bisikan dan teriakan politik semata-mata.

"Teruskan usaha Pemuda Pas. Undi protes sahaja yang mampu mengajar pemimpin-pemimpin Pas yang bacul. Dok (asyik) sibuk hina dasar UMNO. Kita bercakap tentang dasar mereka, dasar UMNO pula yang dibicarakan untuk alih perhatian," katanya.

Blog Darul Ehsan Today (darulehsantoday.blogspot.com) berkata, jelas hasil mesyuarat MPP pembangkang melibatkan pemimpin tertinggi Pas, PKR dan DAP berhubung hudud tidak mencapai kata sepakat.

"Jadi apa keputusannya? kalau macam ni punya perkara pun pemimpin pakatan haram pecah kepala nak buat keputusan, macam mana nak perintah malaysia?"

"Segala keputusan yang melibatkan kepentingan awam pun kena mesyuarat tiga parti jugak ke? kalau salah satu parti tak setuju maknanya keputusan tak boleh di buat, ape kejadahnya kerajaan macam ni," katanya.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL
lukman@utusan.com.my